

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)30**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

30. Skim Perumahan Sewa Khas kepada golongan belia atau bujang.
- a) Skim ini merupakan Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang. Bilakah skim ini akan dilaksanakan?
  - b) Apakah kaedah atau perancangan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan skim ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Skim Perumahan Sewa Khas (SPSK) kepada golongan belia atau bujang adalah skim perumahan yang diwujudkan selaras dengan Manifesto Kerajaan Perpaduan Pulau Pinang 2023. SPSK ini masih di peringkat kerja awalan dan skim ini dijangka akan memanfaatkan sebilangan besar golongan belia atau bujang di Pulau Pinang sebaik sahaja skim ini dilancarkan kelak.
- a) Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jelutong yang akan dibangunkan di atas Petak B, Seksyen 1, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang merupakan projek rintis (*pilot project*) SPSK kepada golongan belia atau bujang di Negeri Pulau Pinang. Melalui maklum balas terkini daripada

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dimaklumkan bahawa pelaksanaan projek ini masih di peringkat penyelarasan peruntukan oleh KPKT dan Kementerian Ekonomi (KE). Proses perolehan bagi pelantikan kontraktor akan dilaksanakan sejurus kelulusan peruntukan diperolehi kelak.

- b) Jumlah unit rumah PPR Jelutong yang akan dibina adalah sebanyak 500 unit. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah mengemukakan permohonan kepada pihak KPKT supaya 250 unit daripada jumlah tersebut yang berkeluasan 650 kaki persegi disediakan bagi golongan yang berkeluarga, manakala 250 unit lagi yang berkeluasan 450 kaki persegi adalah untuk golongan belia/bujang. Selain itu, LPNPP juga sedang meneliti dan mengkaji bagi cadangan menjadikan unit-unit perumahan mampu milik yang masih belum dapat dijual sebagai unit transit terutamanya bagi golongan belia dan bujang yang akan ditawarkan secara sewaan khas.